



# TASYADDUD ABU HATIM AL-RAZIY: ANALISIS TERHADAP PERAWI-PERAWI YANG DINILAI DENGAN FRASA “LAYSА BI AL-QAWIY” DAN “LAYSА BIQAWIY”

Ahmad Kamil Bin Jamilin\*

\*Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

## Abstract

Abu Hatim Muhammad ibn Idris al-Raziy (277h) is a leading figure in the science of hadith among the first generation (*mutaqaddimin*) especially in the *al-Jarh* and *al-Ta'dil* discipline. However he was known as stern critic (*mutasyaddid*). But is the hypothesis true and supported by the valid evidence or strong arguement? Yet Abu Hatim made a lot of assessment and criticism on the narrators via different words and ways. The interpretation of his criticism sometime is ambiguous, and sometimes supplemented by a clear statement and proof. This ambiguity usually happened in his assessment because of the complexity of the utterance-words, multiple use of the structure, inconsistencies and sometimes because of the existence of contradictions. This matter may lead to confusion and misunderstanding among researchers of narrators or hadith. One of the utterances were: " *Laysа bilqawiy*" and " *laysа biqawiy*" meaning: Not strong, which denies the credibility of a narrator or denies it totally. However, based on preliminary observations of the author on the application of Abu Hatim when interacting with the phrase, he was seen as literally defying its use. This study aims to reveal in detail the truth about how strict Abu Hatim when he criticizing the narrators compared with other evaluators of narrators. The result is very important to understand part of the methodology of Abu Hatim and his utterance-words, which certainly have an impact on the assessment of hadith narrators, and at the same time the assessment of hadith which is the ultimate goals of *al-Jarh* and *al-Ta'dil*.

**Keywords:** Tasyaddud, Abu Hatim al-Raziy, Laysа bi al-qawiy, laysа biqawiy

## Abstrak

Abu Hatim Muhammad bin Idris al-Raziy (277h) merupakan tokoh ulung dari kalangan generasi awal (*mutaqaddimin*) dalam lapangan *al-Jarh* dan *al-Ta'dil*. Walaubagaimanapun beliau dikenali sebagai penilai perawi berjulur keras dalam membuat kritikan (*mutasyaddid*). Namun adakah benar dakwaan tersebut? Adakah ia disokong oleh bukti-bukti yang jelas serta hujah yang kukuh? Abu Hatim al-Raziy juga dilihat banyak membuat penilaian dan kritikan terhadap para perawi dengan pelbagai lafaz dan cara. Kritikan beliau kadangkala samar-samar mafhumnya. Kesamaran yang berlaku dalam penilaianannya kebiasaannya berpunca dari lafaz-lafaznya yang kompleks, struktur penggunaannya yang pelbagai, tidak konsisten dan kadangkala wujud kontradiksi. Hal ini boleh mengundang kekeliruan serta salah faham di kalangan para pengkaji perawi atau hadith. Salah satu dari lafaz-lafaz tersebut ialah: " *Laysа bi al-qawiy*" dan " *laysа biqawiy*" yang menafikan kesempurnaan kredibiliti seseorang perawi atau menafikan secara mutlak. Kajian ini bertujuan menyingkap sejauh mana ketegasan Abu Hatim dalam menilai perawi berbanding dengan para penilai perawi yang lain. Adakah layak beliau diklasifikasikan sebagai *mutasyaddid*? Skop kajian merangkumi perawi-perawi yang dinilai dengan frasa " *laysа bi al-qawiy*" dan " *laysа biqawiy*". Natijahnya sangat penting bagi memahami sebahagian metode Abu Hatim dan penilaian beliau yang pastinya memberikan impak terhadap penilaian sesuatu perawi dan sekaligus hadis yang merupakan kemuncak matlamat ilmu *al-Jarh* dan *al-Ta'dil*.

**Kata Kunci:** Tasyaddud, Abu Hatim al-Raziy, Laysа bi al-qawiy, laysа biqawiy.

## Article Progress

Received: 16 March 2017

Revised : 27 May 2017

Accepted: 8 June 2017

\*Ahmad Kamil Bin Jamilin,  
Faculty of Quranic and  
Sunnah Studies, Universiti  
Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, Negeri  
Sembilan, Malaysia.  
Email:

kamilin47@gmail.com  
kamil\_jamilin@usim.edu.my

## 1. PENDAHULUAN

Ilmu hadis merupakan suatu ilmu yang penuh dengan disiplin yang menjadi teras pemeliharaan hadis atau sunnah dari sebarang penyelewengan. Para ilmuwan hadis sejak dahulu telah merangka pelbagai prinsip dan kriteria yang merangkumi pelbagai cabang ilmu hadis supaya proses penerimaan sesebuah hadis atau penolakannya menjadi jelas dengan metode yang difahami ahlinya, antaranya ialah ilmu *al-Jarh Wa al-Ta'dil* yang merupakan tunjang keabsahan hadis. Medan perbahasananya memfokus terhadap para perawi hadis itu sendiri yang banyak berkait rapat dengan dengan tahap kredibiliti ('adalah) serta kejituhan (*dhabit*), sama ada dari sudut memori (*dhabit sadr*) mahupun tulisan (*dhabit kitab*).

Natijah penilaian para ilmuwan hadis (*nuqqad*) terhadap para perawi ini baik berbentuk pujian (*ta'dil*) ataupun kritikan (*jahr*) hanya dilakukan setelah melaksanakan proses kajian menyeluruh terhadap seseorang perawi itu mengikut disiplin yang dimaklumi ahli bidang ini. Namun barangkali informasi serta keputusannya boleh berbeza antara seorang ilmuwan dengan ilmuwan yang lain disebabkan perbezaan makluman atau pengetahuan berkenaan perawi tersebut serta perbezaan wasilah yang menatijahkan keputusan setiap mereka. Justeru bukan mudah untuk mengkelompokkan para penilai perawi ini kepada pengkategorian yang berlandaskan ketegasan (*tasyaddud*), sederhana (*i'tidal*), bermudah-mudah (*tasahul*), kerana jika kita ingin mengkelompokkan mereka seperti yang disebut, maka kita perlu mengkaji secara mendalam serta memahami metode dan prinsip setiap seorang dari kalangan mereka, bukan sekadar mewujudkan teori yang berlandaskan beberapa situasi atau contoh yang terhad, lalu diberi natijah umum yang tidak menepati realiti serta aplikasinya.

## 2. PENGKLASIFIKASIANSI NUQQAD MENGIKUT TAHAP KETEGASAN DAN SALAH FAHAM TERHADAPNYA

al-Dzahabi dalam karyanya: *Dzikru Man Yu'tamadu Qawlahu Fi al-Jarh Wa al-Ta'dil* menyebut pelbagai mazhab ulama (para pengkritik perawi) ketika menilai perawi, lalu beliau mengkelompokkan mereka kepada beberapa kelompok:

Pertama: Tegas dalam menggunakan lafaz penilaian, dan sukar memberi penilaian baik terhadap perawi.

Kedua: Sederhana dalam perkara tersebut.

Ketiga: Bermudah-mudah atau sangat bertoleransi dalam hal tersebut sehingga mudah menerima para perawi yang ditolak oleh ramai ilmuwan lain<sup>1</sup>.

Pengkategorian ini turut dinyatakan juga oleh al-Dzahabi dalam kitabnya *al-Muqizhah*<sup>2</sup>, dan kemudiannya diikuti oleh para penulis dalam bidang *al-Jarh Wa al-Ta'dil* ini, antara Ibn Hajar yang pernah menyatakan: “*Setiap generasi (tabaqat) para pengkritik perawi tidak lekang dari kewujudan (mereka yang bermetode) tegas dan sederhana...*”<sup>3</sup>.

Kita perlu memahami bahawa pembahagian ulama mengikut kelompok ini kebanyakannya bersandarkan kepada gaya penggunaan lafaz penilaian antara mereka yang sukar mengungkapkan lafaz-lafaz yang tinggi nilainya, sebaliknya menggunakan lafaz-lafaz yang agak sinikal atau lemah nilainya walaupun mereka tidak bermaksudkan untuk menolak perawi tersebut. Begitu juga mereka yang lebih pemurah dengan menggunakan lafaz-lafaz penilaian tinggi terhadap perawi yang mereka sendiri sedar akan tahap kedudukan perawi tersebut yang barangkali tidak setara dengan lafaz pujian yang digunakan untuknya, atau menggunakan lafaz kritikan yang ringan terhadap perawi yang kedudukannya sangat rapuh.

Dr. Syarif Hatim al-'Awniy pernah menyentuh bahawa kesilapan dalam memahami hakikat perselisihan para pengkritik perawi barangkali boleh menjurus ke arah masalah yang pelbagai dan besar. Kata beliau: “*Gambaran ini yang difahami oleh ramai ilmuwan generasi lewat (mutaakkhirun) dan semasa sehingga mengabaikan penilaian para imam sehingga tidak melihat ia sebagai bernilai, bahkan menolak penilaian baik (ta'dil) mereka yang disangka sebagai bermudah-mudah (mutasahil), dan barangkali juga menolak penilaian lemah (tadh'if) mereka yang dianggap sebagai tegas (mutasyaddid) walaupun mereka (yang dianggap tegas) itu tidak sedemikian, hanya kerana bersandarkan kepada salah faham tersebut...*”<sup>4</sup>.

<sup>1</sup> Al-Dzahabi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. 1410h/1900m. *Dzikru Man Yu'tamad Qaulahu Fi al-Jarh Wa al-Ta'dil*. Semakan: 'Abdul Fattah Abu Ghuddah. Halb: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah. H. 158-159.

<sup>2</sup> Al-Dzahabi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. 1412h. *Al-Maqizoh Fi 'Ilm Mustalah al-Hadith*. Semakan: 'Abdul Fattah Abu Ghuddah. Halb: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah. H. 83.

<sup>3</sup> Al-'Asqalaniy, Ahmad bin 'Aliy bin Hajar. 1404h/1984m. *Al-Nukat 'Ala Kitab Ibn al-Solah*. Semakan: Rabi' bin Hadiy al-Madkhaliy. Madinah: 'Imadah al-Baith al-'Ilmiy Bi al-Jami'iyyah al-Islamiyyah. J. 1. H. 482.

<sup>4</sup> Al-'Awniy, al-Syarif Hatim. 1427h. *Syarh al-Muqizhah*. Arab Saudi: Dar Ibn al-Jawziy. H. 243.

Kemudian beliau menyebut bahawa pembahagian mengikut kelompok ini kebiasaannya bukan kerana perbezaan para ilmuwan tersebut, bahkan apa yang berlaku antara mereka tentang perselisihan dalam menentukan status para perawi merupakan perselisihan dalam beberapa aspek kecil yang masih berasaskan kepada metode yang sama. Begitu juga apa yang berlaku terhadap para ilmuwan *al-Jarh Wa al-Ta'dil* yang kelihatan ekstrim dalam mengkritik beberapa perawi walaupun ianya jarang berlaku berbanding sudut benar mereka yang tidak sedemikian, namun oleh kerana ianya berulang situasi tersebut (ekstrim) pada beberapa perawi serta karakternya yang dilihat agak keras dalam sesetengah hal, maka sebahagian para ulama langsung menyifatkan mereka sebagai berjalan keras (*tasyaddud*)<sup>5</sup>.

### 3. DEFINISI TASYADDUD

Definisi *tasyaddud* dari segi bahasa:

Kalimah (*التشدّد*) (*شَدَّدَ*) berasal dari perkataan Kata Ibn Faris: “(*Huruf*) *syin* (ش) dan *dal* (د) berasal dari satu yang menunjukkan kekuatan dalam suatu perkara, dan cabang-cabangnya berbalik kepada ia, antara (*misal*)nya: شَدَّدَتْ الْعَقْدَ شَلَّأَ أَشْلَأَ... Antara babnya: *الْتَّشَدِيدُ وَالْمُتَشَدِّدُ* yang bermaksud: *Bakhil* (sebagaimana) yang difirmankan Allah: وَإِنَّهُ لَيَحْسِنُ الْحَيْثُ... لَشَدِيدٌ”<sup>6</sup>.

Manakala dari segi istilah:

Berlebihan dalam mengkritik (*jarh*) sehingga menjatuhkan statusnya dengan alasan yang sangat ringan. Al-Dzahabiy sebagaimana yang telah disebutkan telah membahagikan para pengkritik perawi (*nugqad*) kepada tiga kelompok: Tegas dalam memberikan penilaian yang tinggi (*tawthiq*), iaitu tidak mudah-mudah memberikan status yang tinggi kepada perawi melainkan dia benar-benar layak, dan boleh mengkritik perawi atau menjatuhkan statusnya dengan dua atau tiga kesilapan yang dilakukannya<sup>7</sup>.

<sup>5</sup> *Ibid.* H. 245-246.

<sup>6</sup> Al-Raziy, Abu al-Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariyya. 1399h/1979m. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Semakan: 'Abd al-Salam Harun. Beirut: Dar al-Fikr. J. 3. H. 179.

<sup>7</sup> Lihat: Al-Dzahabiy. *Dzikru Man Yu'tamada Qawlahu Fi al-Jarh Wa al-Ta'dil*. H. 171.

Al-Dzahabiy dalam karya *al-Muqizhah* membawakan contoh para imuan yang dianggap keras atau tegas ini, kata beliau: “Sebahagian mereka ini tajam dalam mengkritik...”, lalu menyebut antara mereka ialah: Abu Hatim al-Raziy<sup>8</sup>.

### 4. ILMUWAN YANG MENGKLASIFIKASIKAN ABU HATIM AL-RAZIY SEBAGAI PENGKRITIK BERJALUR KERAS (*MUTASYADDID*)

Abu Hatim al-Raziy terkenal dengan ketegasannya sehingga ramai para ilmuwan hadis yang menyifatkannya sebagai pengkritik yang tegas. Kata al-Dzahabiy: “*Abu Hatim dikenali ketegasannya dalam mengkritik perawi*”<sup>9</sup>. Al-Dzahabiy merupakan antara ulama yang paling banyak menyifatkan Abu Hatim sebagai keras dalam mengkritik sebagaimana yang boleh didapati kalam beliau pada biografi perawi-perawi bernama: Ibn 'Ajlan<sup>10</sup>, Abu Thawr Ibrahim bin Khalid al-Kalbiy<sup>11</sup>, Tolut bin 'Abbad<sup>12</sup>, Yahya bin Bukayr<sup>13</sup>, 'Abbad bin 'Abbad<sup>14</sup>, Ya'qub bin Muhammad al-Zuhriy<sup>15</sup>, al-Rabi' bin Yahya al-Usynaniy<sup>16</sup> dan lain-lain.

Dalam biografi Abu Hatim sendiri, al-Dzahabiy menulis: “*Jika Abu Hatim memuji atau menilai tinggi seseorang perawi itu, maka berpegang teguhlah dengan pendapatnya, kerana beliau tidak menilai tinggi seseorang melainkan dia seorang yang sahih hadisnya. Manakala jika beliau mencalarkan (status) seseorang perawi pula, atau berkata: Dia tidak diperhujahkan, maka berhentilah dahulu (dari menerima pendapatnya) sehingga melihat apa yang dinilai oleh (ulama) selain beliau. Jika ada seseorang (dari kalangan mereka) yang menilai tingginya, maka janganlah menoleh ke arah kritikan*

<sup>8</sup> Al-Dzahabiy. *Al-Muqizhah Fi 'Ilmi Mustalah al-Hadith*. H. 83.

<sup>9</sup> Al-Dzahabi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. 1419h/1998m.. *Tadzkirah al-Huffazh*. Semakan: Zakariyya 'Umayrat. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. J. 2. H. 420.

<sup>10</sup> Al-Dzahabiy, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. 1403h/1983m. *Siyar A'lam al-Nubala'*. Semakan: Sekumpulan penyelidik dibawah seliaan: Syu'ayb al-Arna'ut. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. J. 6. H. 320.

<sup>11</sup> Al-Dzahabiy, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. *Al-Ruwat al-Thiqat al-Mutakallam Fihim Bima La Yujibu Raddihim*. Semakan dan komentar: Muhammad Ibrahim al-Mawsiliy. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah. H. 41.

<sup>12</sup> Al-Dzahabiy. *Siyar A'lam al-Nubala'*. J. 11. H. 26.

<sup>13</sup> Al-Dzahabiy. *Tadzkirah al-Huffazh*. J. 2. H. 420.

<sup>14</sup> Al-Dzahabiy. *Siyar A'lam al-Nubala'*. J. 8. H. 295.

<sup>15</sup> Al-Dzahabiy, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. *Al-Mughniy Fi al-Dhu'afa'*. Semakan: Nuruddin 'Itr. Qatar: Idarah al-Turath al-Islamiy. J. 2. H. 433.

<sup>16</sup> Al-Dzahabiy, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. T.th. *Mizan al-I'tidal*. Semakan: 'Aliy Muhammad al-Bajawiy. Beirut: Dar al-Ma'rifa. J. 2. H. 43.

*Abu Hatim, kerana beliau seorang yang keras dalam mengkritik perawi, sehingga pernah menilai perawi-perawi (kitab-kitab) Sahih: Laysa bihujjah (tidak menjadi hujah), laysa biqawiy (tidak kuat), dan seumpamanya*<sup>17</sup>.

Bahkan al-Dzahabiy pernah membandingkan Abu Hatim dengan sahabatnya sendiri iaitu Abu Zur'ah al-Raziy tatkala berkata: “*Aku sangat kagum dengan penilaian Abu Zur'ah dalam al-Jarh Wa al-Ta'dil yang ketara akan kewarakannya dan pengalamannya, berbeza dengan temannya Abu Hatim yang sangat keras dalam mengkritik*<sup>18</sup>”.

Antara yang mengkelompokkan Abu Hatim dalam golongan ilmuwan yang tegas metodenya dalam menilai ialah: Ibn Taimiyyah, guru kepada al-Dzahabiy sendiri. Dalam banyak kes, Ibn Taimiyyah memilih pandangan Abu Hatim jika didapati beliau memuji seseorang, sebagaimana pada perawi bernama Musa bin Abu al-Furat, kata Ibn Taimiyyah: “*Memadai kedua-dua mereka ini (iaitu Ibn Ma'in dan Abu Hatim) memujinya, walhal sukar untuk mendapatkan pujian mereka ini*<sup>19</sup>”. Kata beliau lagi: “*Pujian Abu Hatim kemuncak (sangat tinggi nilainya)*<sup>20</sup>”. Pada tempat lain Ibn Taimiyyah menyebut: “*Manakala kata-kata Abu Hatim (terhadap perawi): Yuktab hadithuhu wala yuhtajju bihi (ditulis hadisnya namun tidak dijadikan hujah), Abu Hatim banyak mengungkapkan penilaian seperti ini pada ramai perawi Sahihayn (al-Bukhariy dan Muslim), kerana kriterianya dalam menilai baik (seseorang perawi) itu sukar. Dan hujah pada istilah penggunaan beliau bukan sebagaimana (pengertian) hujah di sisi majoriti ilmuwan*<sup>21</sup>”.

Selain Ibn Taimiyyah dan al-Dzahabiy, Ibn Hajar al-'Asqalaniy<sup>22</sup>, al-Sakhawiy<sup>23</sup>, Ibn 'Abd al-Hadiy<sup>24</sup>

<sup>17</sup> Al-Dzahabiy. *Siyar A'lam al-Nubala'*. J. 13. H. 260.

<sup>18</sup> *Ibid*. J. 13. H. 81.

<sup>19</sup> Al-Harraniy, Ibn Taimiyyah. 1408h/1987m. *Al-Fatawa al-Kubra*. Tahqiq: Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata dan Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. J. 6. H. 241.

<sup>20</sup> Al-Harraniy, Ibn Taimiyyah. 1398h. *Majmu' al-Fatawa*. Himpunan dan susunan: 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Qasim. Riyadh: Dar al-Ifta'. J. 23. H. 318.

<sup>21</sup> *Ibid*. J. 3. H. 53. J. 24. H. 350.

<sup>22</sup> Lihat: Al-'Asqalaniy, Ahmad bin 'Aliy Ibn Hajar. 2005m. *Huda al-Sariy*. Semakan: Nazhar al-Firyabiyy. Riyadh: Dar Taybah. J. 1. H. 1246. J. 1. H. 1255. Al-'Asqalaniy, Ahmad bin 'Aliy Ibn Hajar. 1421h/2001m. *Tahdzib al-Tahdzib*. Semakan: Ibrahim al-Zubayq dan 'Adil Mursyid. Beirut: Muassasah al-Risalah. J. 4. H. 179.

<sup>23</sup> Al-Sakhawiy, Muhammad bin 'Abd al-Rahman. 1968m. *Fath al-Mughith Syarh Alfiyyah al-Hadith Li al-'Iraqiy*. Semakan: 'Abd al-Rahman Muhammad 'Uthman. Madinah: Maktabah Salafiyyah. J. 1. H. 83.

<sup>24</sup> Al-Zayla'iyy, 'Abdullah bin Yusuf. 1418h/1997m. *Nasb al-Rayah. Li Ahadith al-Hidayah*. Semakan: Muhammad 'Awwamah. Beirut: Muassasah al-Rayyan-Jeddah: Dar al-Qiblah. J. 2. H. 439.

juga antara para ilmuwan yang menyenaraikan Abu Hatim al-Raziy sebagai pengkritik perawi yang tinggi kriterianya untuk dipuji status seseorang perawi itu.

Seorang penyelidik semasa: Nizar 'Abd al-Qadir Muhammad Rayyan menulis kajian beliau berjudul: *al-Nuqqad al-Mutasyaddidin Fi al-Jarh Wa al-Ta'dil: Dirasah Tatbiqiyyah*, yang mengkaji secara praktikal terhadap beberapa pengkritik perawi yang dianggap tegas dalam medan pujian dan kritikan perawi. Penyelidik memilih 20 perawi secara rawak sebagai bahan kajian, lalu dilakukan kajian perbandingan antara penilaian para pengkritik yang disifatkan tegas tersebut dengan penilaian ilmuwan lainnya. Hasil kajiannya mendapati Abu Hatim al-Raziy merupakan seorang yang berjalur sangat keras mengatasi tahap ketegasan Ibn Ma'in, Yahya al-Qattan, al-Azdiy, al-Nasa'iy, Ibn Khirasy dan Ibn Hazm. Penyelidik juga merumuskan bahawa tidak harus untuk menerima kritikan Abu Hatim (*jarh*) secara bersendirian<sup>25</sup>.

Namun saya mendapati kajian ini tidak berapa teliti atau tepat natijahnya berikutan bahan kajianya yang rawak dan sangat sedikit untuk diberikan hasil dapatan yang besar implikasinya sedemikian, selain dari ramai pengkritik yang disebut tidak mengeluarkan sebarang penilaian terhadap beberapa perawi yang dikaji seperti Syu'bah dan Yahya al-Qattan, berbeza dengan Abu Hatim yang hampir kesemua bahan kajian diberi penilaian beliau.

## 5. SUDUT PENTING PENGKLASIFIKASIAN TASYADDUD NUQQAD

Dalam mengkategorikan seseorang ilmuwan hadis itu sebagai berjalur keras, ada beberapa aspek penting yang perlu diberi perhatian, kerana ia melibatkan beberapa isu dan kelaziman yang berkaitan, antaranya:

1. Pengritik perawi yang disifatkan sebagai berjalur keras atau bersikap tegas dalam menilai, lazimnya pujian mereka sangat bernilai kerana sukar diperolehi dan boleh dijadikan penguatan status perawi ketika berlaku perselisihan terhadap statusnya. Hal ini telah diisyaratkan oleh al-Dzahabiy menerusi katanya: “*Mereka yang keras ini jika memuji seseorang, maka gigitlah ia dengan gerahamu dan berpeganglah dengan pujiannya. Manakala jika*

<sup>25</sup> Nizar 'Abd al-Qadir Muhammad Rayyan. 2004m. *Jurnal al-Jami'ah al-Islamiyyah (Silsilah al-Dirasat al-Syar'iyyah)*. Bil: 2. J. 12. H. 167-222.

- dia menilai lemah seseorang, maka perhatikan: Adakah ada pihak lain yang sepandangan dengannya? Jika ada, dan tiada pihak lain dari kalangan pakar yang menilai baik perawi tersebut, maka perawi tersebut sememangnya berstatus lemah. Adapun jika ada yang memujinya, maka kritikan yang sebut perlu diperincikan puncanya, iaitu tidak memadai contohnya untuk Ibn Ma'in mengatakan: Dia seorang yang lemah (statusnya) tanpa menjelaskan punca kelemahananya, sedangkan pihak lain ada yang menilai baiknya...”<sup>26</sup>.*
2. Tidak semestinya seseorang ilmuwan yang disifatkan sebagai tegas itu sentiasa keras dalam kesemua penilaianya. Boleh jadi dia sangat bertoleransi dalam sebahagian situasi atau bersederhana. Justeru apa yang disifatkan oleh para ilmuwan mengenai kriteria Abu Hatim tersebut hanyalah dari sudut kebiasaan yang didapati mereka. Walhal dalam banyak kes, penilaian Abu Hatim sejajar dengan penilaian ramai para pengkritik lainnya, bahkan kadangkala beliau menilai baik seseorang sedangkan ramai yang mengkritiknya, dan kadangkala beliau tidak mengeluarkan sebarang penilaian yang menggambarkan kewarakar dan takwanya yang tinggi.
  3. Termasuk dalam bab ini topik: Perawi yang tidak meriwayatkan hadis melainkan dari perawi yang terpercaya (*thiqah*), kerana perawi yang cermat dalam meriwayatkan hadis kebiasaannya berpunca dari kriterianya yang tinggi dalam menerima suatu hadis. Justeru periwayatan mereka dari seseorang itu dianggap sebagai penguat status perawi yang diambil riwayatnya itu sebagaimana Yahya bin Sa'id al-Qattan yang disifatkan oleh al-Dzahabiy<sup>27</sup> dan Ibn Hajar<sup>28</sup> sebagai sangat keras dalam perbahasan *al-Jarh Wa al-Ta'dil* dan disebut al-'Ijliy sebagai perawi yang hanya akan meriwayatkan dari guru-gurunya yang terpercaya sahaja<sup>29</sup>. Oleh yang demikian, al-Dzahabiy misalnya kerap menjadikan periwayatan Yahya al-Qattan dari seseorang sebagai bukti ketinggian status guru tersebut sebagaimana yang boleh dilihat pada biografi 'Abd al-Rahman bin 'Abdullah bin

<sup>26</sup> al-Dzahabiy. *Dzikru Man Yu'tamada Qawlhu Fi al-Jarh Wa al-Ta'dil*. H. 172.

<sup>27</sup> Al-Dzahabiy. *Mizan al-I'tidal*. J. 2. H. 171.

<sup>28</sup> Al-'Asqalaniy, Ibn Hajar. *Huda al-Sariy*. J. 1. H. 1131.

<sup>29</sup> Al-'Ijliy, Abu al-Hasan Ahmad bin 'Abdullah. 1405h/1985m. *Ma'rifah al-Thiqat*. Semakan: 'Abdul 'Alim 'Abdul 'Azim al-Bastawi. Madinah: Maktabah al-Dar. J. 2. H. 353.

Dinar al-Madaniy<sup>30</sup> dan Sayf bin Sulayman al-Makkiy<sup>31</sup>. Bahkan tokoh ulung bidang 'Ilal al-Hadith (kecacatan hadis): 'Aliy bin al-Madinay yang merupakan guru kepada al-Bukhariy pernah berkata: “Jika salah seorang dari kedua mereka (iaitu Yahya al-Qattan dan 'Abd al-Rahman bin Mahdiy) meriwayatkan hadis dari seseorang, aku akan meriwayatkannya!”<sup>32</sup>. Ini merupakan kepercayaan tinggi yang diberi oleh 'Aliy bin al-Madinay terhadap Yahya al-Qattan berikutan tahap kriterianya yang tinggi dengan syarat yang ketat untuk menerima seseorang perawi bagi diriwayatkan hadis daripadanya.

Adakah benar Abu Hatim al-Raziy seorang yang tegas dalam penilaianya? Atau adakah metode beliau tidak seperti yang digambarkan? Persoalan ini hanya mampu dijawab setelah penyelidikan secara menyeluruh dan teliti dilakukan terhadap keseluruhan perawi. Kajian perbandingan juga perlu dilakukan demi meneliti sejauh manakah kesejajaran penilaian beliau dengan para penilai lain.

## 6. FRASA “LAYSА BI AL-QAWIY” DAN “LAYSА BIQAWIY” DI SISI ABU HATIM AL-RAZIY

Kedua-dua frasa ini dari sudut literal bahasanya sahaja sudah membawa pengertian kritikan (*jarh*) iaitu menafikan kekuatan pada riwayat perawi. Sebahagian ilmuwan semasa dilihat membezakan antara kedua frasa tersebut dengan meletakkan lafadz “laysа bi al-qawiy” lebih ringan dari lafadz “laysа biqawiy” yang menafikan kekuatan perawi secara total<sup>33</sup>.

Namun berdasarkan kajian dan penelitian terhadap perawi-perawi yang dinilai Abu Hatim dengan kedua frasa ini, penyelidik mendapati Abu Hatim tidak membezakan antara keduanya, bahkan gaya penggunaanya terhadap kedua frasa tersebut tidak berbeza sama ada dari sudut penggunaan lafadz tunggal (*ifrad*), atau penggabungan (*tarkib*) dan juga pengertian (*dalahah*). Abu Hatim juga tidak pernah didapati membezakan kedua frasa tersebut yang jika wujud perbezaan antara keduanya nescaya akan

<sup>30</sup> Al-Dzahabiy. *Mizan al-I'tidal*. J. 2. H. 43.

<sup>31</sup> *Ibid*. J. 2. H. 255.

<sup>32</sup> Al-Baghdauiy, Abu Bakr Ahmad bin 'Aliy al-Khatib. 1422h/2001m. *Tarikh Baghdad*. Semakan: Dr. Bassyar 'Awwad Ma'ruf. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy. J. 16. H. 208-209.

<sup>33</sup> Lihat: Al-Mu'allimiyy, 'Abd al-Rahman bin Yahya. 1406h/1986m. *Al-Tankil Bima Fi Ta'nis al-Kawthariy Min al-Abatil*. Takhrij dan komentar: Muhammad bin Nasiruddin al-Albaniy dan Zuhayr al-Syawisy dan 'Abd al-Razzaq Hamzah. Maktab Islamiy. H. 442.

diperjelaskan beliau lantaran implikasinya yang besar.

Antara sudut yang perlu diperhatikan ialah perbezaan para penulis manuskrip (*nussakh*) bagi kitab *al-Jarh Wa al-Ta'dil* yang dikarang oleh Ibn Abi Hatim yang merupakan sumber rekod utama penilaian ayahnya Abu Hatim. Kadangkala sebahagian naskah didapati menambah “*alif*” dan “*lam*” pada kalimah “*qawiy*” yang tiada pada naskah yang lain sebagaimana yang banyak kita boleh dapat dari komentar penyemak kitab tersebut. Lihat misalnya biografi perawi bernama: Muhammad bin Mus’ab al-Qaqasaniy<sup>34</sup>, Sallam bin Sulayman al-Madainiy<sup>35</sup>, ‘Abdullah bin Muhammad bin al-Mughirah al-Kufiy<sup>36</sup>, Sulayman bin Yazid al-Ka’biy<sup>37</sup>, dan lain-lain dalam karya-karya biografi perawi (*kutub rijal*).

Begitu juga para ulama atau pencatat manuskrip yang menukilkan kedua frasa ini dari Abu Hatim dilihat tidak begitu teliti sehingga saling menukar antara “*laysa bi al-qawiy*” dan “*laysa biqawiy*” sekaligus mengisyaratkan akan tiada perbezaan antara kedua frasa ini. Misalnya pada biografi perawi berikut:

- 1- Ishaq bin Rafi’: Dalam *al-Jarh Wa al-Ta’dil* oleh Ibn Abi Hatim lafaz Abu Hatim ditulis “*laysa biqawiy*”<sup>38</sup>, begitu juga dalam *Lisan al-Mizan* oleh Ibn Hajar<sup>39</sup>. Manakala dalam *al-Dhu’afa’ Wa al-Matrakin* oleh Ibn al-Jawziy<sup>40</sup> dan dua kitab al-Dzahabiy *al-Mughniy Fi al-Dhu’afa’*<sup>41</sup> dan *Mizan al-I’tidal*<sup>42</sup> pula ditulis lafaz Abu Hatim tersebut sebagai “*laysa bi al-qawiy*”.
- 2- Khalid bin Muhammad al-Basriy: Dalam *al-Jarh Wa al-Ta’dil* oleh Ibn Abi Hatim lafaz Abu Hatim ditulis “*laysa biqawiy*”<sup>43</sup>, begitu juga dalam *Tahdzib al-Kamal* oleh al-Mizziy<sup>44</sup>. Manakala dalam *Lisan al-Mizan*

<sup>34</sup> Al-Raziyy, Abu Muhammad ‘Abdul Rahman bin Abi Hatim. 1371h/1952m. *Al-Jarh Wa al-Ta’dil*. India: Matba’ah Majlis Da’irah al-Ma’arif al-‘Uthmaniyyah salinan Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah Beirut. J. 8. H. 103.

<sup>35</sup> *Ibid.* J. 4. H. 259.

<sup>36</sup> *Ibid.* J. 5. H. 158.

<sup>37</sup> *Ibid.* J. 4. H. 149.

<sup>38</sup> J.2. H. 219.

<sup>39</sup> J. 2. H. 57.

<sup>40</sup> Al-Baghdaipy, Abu al-Farj ‘Abdul Rahman bin ‘Aliy Ibn al-Jauziy. 1406h/1986m. *Al-Du’afa’ Wa al-Matrakin*. Semakan: ‘Abdullah al-Qadhiy. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. J. 1. H. 101.

<sup>41</sup> J. 1. H. 118

<sup>42</sup> J. 1. H. 191.

<sup>43</sup> J. 7. H. 242.

<sup>44</sup> Al-Mizziy, Abu al-Hajjaj Yusuf bin al-Zakiy. 1403h/1983m. *Tahdzib al-Kamal Fi Asma’ al-Rijal*. Semakan: Dr. Bassyar ‘Awwad. Beirut: Muassasah al-Risalah. J. 33. H. 310.

oleh Ibn Hajar<sup>45</sup> pula ditulis Abu Hatim tersebut sebagai “*laysa bi al-qawiy*”.

- 3- Ibrahim bin Muhajir: Dalam *al-Jarh Wa al-Ta’dil* oleh Ibn Abi Hatim lafaz Abu Hatim ditulis “*laysa biqawiy*”<sup>46</sup>, Manakala dalam *Tahdzib al-Tahdzib* oleh Ibn Hajar<sup>47</sup> pula ditulis lafaz Abu Hatim tersebut sebagai “*laysa bi al-qawiy*”.

Yahya bin Abu al-Hajjaj: Ibn Abi Hatim dalam *al-Jarh Wa al-Ta’dil* menukil dari ayahnya kedua frasa ini pada perawi yang sama<sup>48</sup>.

## 7. ANASLIS PERBANDINGAN ANTARA PENILAIAN ABU HATIM AL-RAZIY DENGAN ILMUWAN SEZAMANNYA TERHADAP PARA PERAWI MENERUSI FRASA “LAYSA BI AL-QAWIY” DAN “LAYSA BIQAWIY”

Kajian ini melibatkan penilaian empat ilmuwan ulung hadis dari kalangan generasi awal (*mutaqaddimun*) yang merupakan ilmuwan sezaman, iaitu: Abu Hatim al-Raziyy (wafat 277h), Abu Zur’ah al-Raziyy (wafat 264h), Muhammad bin Isma’il al-Bukhariy (wafat 256h), dan Yahya bin Ma’in (wafat 233h).

Seramai 354 perawi yang didapati penyelidik telah dinilai oleh keempat ilmuwan tersebut dengan frasa “*laysa bi al-qawiy*” dan “*laysa biqawiy*”. Rumusannya seperti di jadual berikut:

Nuqqad	Bilangan Perawi	Laysa Bi al-Qawiy	Laysa Biqawiy
Abu Hatim	245	118	127
Ibn Ma’in	39	37	2
Al-Bukhariy	13	10	3
Abu Zur’ah	57	23	34

Metode yang digunakan ialah *manhaj istiqra’iy* (pembacaan menyeluruh), *tahliliy* (analisis penyelesaian) dan *naqdiy* (kritis). Perawi-perawi yang terlibat dengan frasa “*laysa bi al-qawiy*” dan “*laysa biqawiy*” dihimpunkan segala penilaian para ilmuwan terhadap mereka dari pelbagai sumber yang kemudiannya dibahagikan kepada dua kategori: Kategori pemuji (*mu’addilun*) dan kategori

<sup>45</sup> J. 4. H. 111.

<sup>46</sup> J.2. H. 133.

<sup>47</sup> J. 1. H. 88.

<sup>48</sup> J. 9. H. 139, 165.



pengkritik (*mujarrihun*). Penilaian pada penilai ini dilakukan perbandingan khusus dengan penilaian Abu Hatim al-Raziy dan tiga ilmuwan lain yang disebutkan. Penyelidik mengkaji keseluruhan pendapat dari kedua kategori ini mengikut piawaian (*dhawabit*) *al-Jarh Wa al-Ta'dil*, seterusnya mendapatkan rumusan kajian dari analisis tersebut.

Hasil kajian mendapati bahawa Abu Hatim al-Raziy merupakan yang paling banyak menggunakan kedua frasa ini dalam menilai atau mengkritik perawi iaitu sebanyak (69.2 %) dari jumlah keseluruhan perawi, diikuti oleh Abu Zur'ah (16.1 %), kemudian Ibn Ma'in (11 %), dan yang paling sedikit menggunakan iaialah al-Bukhari (3.7 %).

Berdasarkan analisis perbandingan yang melibatkan rumusan status perawi setelah dikaji secara teliti dengan mengambil kira perbezaan penilaian para pengkritik perawi secara keseluruhannya mengikut prinsip *al-tarjih* (pemilihan pendapat) dalam ilmu *al-Jarh Wa al-Ta'dil*, penyelidik mendapati Abu Hatim al-Raziy seorang yang bermetode sederhana (*mu'tadil*) dalam menilai perawi. Dalam kebanyakan kes, penilaian beliau didapati seajar dengan ramai para penilai lain. Tersangat sedikit perawi yang kelihatan beliau lebih bersikap tegas berbanding penilai-penilai lain, namun beliau tidak didapati berseorangan dalam mengkritik (*tajrigh*), bahkan pasti ada yang sependapat dengan beliau. Ini menunjukkan kritikan beliau bukan dipengaruhi sikapnya, bahkan kritikan yang dilakukannya berlandaskan prinsip dan ilmu yang dimiliki.

Pada beberapa biografi perawi, Abu Hatim dilihat menyanggahi majoriti penilai lain yang menilai mereka sebagai sangat rapuh dan wajar ditinggalkan, bahkan ada yang menilai sebahagian mereka dengan tuduhan berdusta, manakala kritikan Abu Hatim pula tidak setegah itu. Perawi-perawi tersebut ialah:

- 1- Kharijah bin Mus'ab al-Khurasaniy.
- 2- Salmah bin Wardan al-Junda'iy.
- 3- Sulma bin 'Abdullah al-Hudzaliy.
- 4- Salih bin Basyir al-Murriy.
- 5- Maymun Abu Hamzah al-Qassab.

Pada beberapa kes terpencil pula, penilaian Abu Hatim dilihat lebih ringan berbanding penilaian ilmuwan lainnya.

## 8. KESIMPULAN

Hasil daripada kertas kerja ini, dapatlah dirumuskan bahawa:

- a. Mengkaji maksud lafaz-lafaz penilaian Abu Hatim al-Raziy dalam medan *al-Jarh Wa al-Ta'dil* bukanlah suatu yang mudah berikutan kepelbagaiannya yang terkadang membuatkan penyelidik sukar untuk mendapatkan keputusan, apatah lagi Abu Hatim merupakan penilai yang banyak menilai para perawi. Justeru menghimpunkan keseluruhan perawi untuk kajian perbandingan memerlukan lebih usaha dan tempoh.
- b. Frasa-frasa penilaian yang digunakan oleh Abu Hatim al-Raziy mempamerkan ketelitianya serta kemahirannya dalam seni *al-Jarh Wa al-Ta'dil*. Justeru boleh didapati beliau menyalahi kaedah yang dirangka oleh anaknya dan selainnya dari kalangan para ilmuwan hadis yang datang selepas eranya. Misalnya beliau mengatakan pada salah seorang perawi: "*Laysa bi al-qawiy, wala bi al-matin, wahua salih al-hadith, yuktab hadithuhu*", iaitu dengan menghimpunkan lafaz pujian dan kritikan pada satu penggunaan. Dalam frasa tersebut, Abu Hatim tidak memaksudkan lafaz "*salih al-hadith*" sebagaimana yang difahami ramai ilmuwan generasi lewat (*mutaakkhirun*) sebahagian dari lafaz pujian (*ta'dil*). Bahkan Abu Hatim dalam frasa tersebut memperincikan maksudnya sebagai lafaz yang menunjukkan perawi yang dinilai sebagai lemah yang mampu diperkuatkan.

Berdasarkan skop kajian ini, Abu Hatim al-Raziy merupakan seorang penilai yang diklasifikasikan sebagai sederhana (*mu'tadil*) dan bukanlah sebagaimana yang masyhur akan ketegasannya atau ketajamannya dalam mengkritik perawi. Pada kebanyakan kes, penilaian beliau seajar dengan penilaian para ilmuwan lain dan tidak bersendirian dalam kritikannya.

## RUJUKAN

1. Al-'Asqalaniy, Ahmad bin 'Aliy bin Hajar. 1404h/1984m. Al-Nukat 'Ala Kitab Ibn al-Solah. Semakan: Rabi' bin Hadiy al-Madkhaliy. Madinah: 'Imadah al-Baith al-'Ilmiy Bi al-Jami'ah al-Islamiyyah.
2. Al-'Asqalaniy, Ahmad bin 'Aliy bin Hajar. 1423h/2002m. Lisan al-Mizan. Semakan: 'Abdul Fattah Abu Ghuddah. Halb: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.

3. Al-'Asqalaniy, Ahmad bin 'Aliy bin Hajar. *Huda al-Sariy Muqaddimah Fath al-Bariy*. Semakan: Nazar al-Fariyabiy. Riyadh: Dar Taybah.
4. Al-'Asqalaniy, Ahmad bin 'Aliy Ibn Hajar. 1421h/2001m. *Tahdzib al-Tahdzib*. Semakan: Ibrahim al-Zubayq dan 'Adil Mursyid. Beirut: Muassasah al-Risalah.
5. Al-'Awniy, al-Syarif Hatim. 1427h. *Syarh al-Muqizhah*. Arab Saudi: Dar Ibn al-Jawzii.
6. Al-'Ijliy, Abu al-Hasan Ahmad bin 'Abdullah. 1405h/1985m. *Ma'rifah al-Thiqat*. Semakan: 'Abdul 'Alim 'Abdul 'Azim al-Bastawi. Madinah: Maktabah al-Dar.
7. Al-Baghda diy, Abu al-Farj 'Abdul Rahman bin 'Aliy Ibn al-Jauziy. 1406h/1986m. *Al-Du'a'fa' Wa al-Matrukin*. Semakan: 'Abdullah al-Qadhiy. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
8. Al-Baghda diy, Abu Bakr Ahmad bin 'Aliy al-Khatib. 1422h/2001m. *Tarikh Baghda*. Semakan: Dr. Bassyar 'Awwad Ma'ruf. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy.
9. Al-Dzahabi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. 1419h/1998m.. *Tadzkirah al-Huffazh*. Semakan: Zakariyya 'Umayrat. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
10. Al-Dzahabi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. 1403h/1983m. *Siyar A'lam al-Nubala'*. Semakan: Sekumpulan penyelidik dibawah seliaan: Syu'ayb al-Arna'ut. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
11. Al-Dzahabi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. 1410h/1900m. *Dzikru Man Yu'tamad Qaulahu Fi al-Jarh Wa al-Ta'dil*. Semakan: 'Abdul Fattah Abu Ghuddah. Halb: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
12. Al-Dzahabi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. 1412h. *Al-Mauqizoh Fi 'Ilm Mustalah al-Hadith*. Semakan: 'Abdul Fattah Abu Ghuddah. Halb: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
13. Al-Dzahabi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. *Al-Mughniy Fi al-Dhu'a'fa'*. Semakan: Nuruddin 'Itr. Qatar: Idarah al-Turath al-Islamiy.
14. Al-Dzahabi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. *Al-Ruwat al-Thiqat al-Mutakallam Fihim Bima La Yujibu Raddihim*. Semakan dan komentar: Muhammad Ibrahim al-Mawsiliy. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.
15. Al-Dzahabi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. T.th. *Mizan al-I'tidal*. Semakan: 'Aliy Muhammad al-Bajawiy. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
16. Al-Harraniy, Ibn Taimiyyah. 1398h. *Majmu' al-Fatawa*. Himpunan dan susunan: 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Qasim. Riyadh: Dar al-Ifta'.
17. Al-Harraniy, Ibn Taimiyyah. 1408h/1987m. *Al-Fatawa al-Kubra*. Tahqiq: Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata dan Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
18. Al-Mizziy, Abu al-Hajjaj Yusuf bin al-Zakiy. 1403h/1983m. *Tahdzib al-Kamal Fi Asma' al-Rijal*. Semakan: Dr. Bassyar 'Awwad. Beirut: Muassasah al-Risalah.
19. Al-Mu'allimiy, 'Abd al-Rahman bin Yahya. 1406h/1986m. *Al-Tankil Bima Fi Ta'nib al-Kawthariy Min al-Abatil*. Takhrij dan komentar: Muhammad bin Nasiruddin al-Albaniy dan Zuhayr al-Syawisy dan 'Abd al-Razzaq Hamzah. Maktab Islamiy.
20. Al-Raziy, Abu al-Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariyya. 1399h/1979m. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Semakan: 'Abd al-Salam Harun. Beirut: Dar al-Fikr.
21. Al-Raziy, Abu Muhammad 'Abdul Rahman bin Abi Hatim. 1371h/1952m. *Al-Jarh Wa al-Ta'dil*. India: Matba'ah Majlis Da'irah al-Ma'arif al-'Uthmaniyyah salinan Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah Beirut.
22. Al-Sakhawiy, Muhammad bin 'Abd al-Rahman. 1968m. *Fath al-Mughith Syarh Alfiyyah al-Hadith Li al-'Iraqiy*. Semakan: 'Abd al-Rahman Muhammad 'Uthman. Madinah: Maktabah Salafiyyah.
23. Al-Zayla'i, Abu Muhammad Abdullah Yusuf. 1418h/1997m. *Nasb al-Rayah Li Ahadith al-Hidayah*. Semakan: Muhammad 'Awwamah. Beirut: Muassasah al-Rayyan-Jeddah: Dar al-Qiblah.
24. Nizar 'Abd al-Qadir Muhammad Rayyan. 2004m. *Jurnal al-Jami'ah al-Islamiyyah (Silsilah al-Dirasat al-Syar'iyyah)*.